



**KENYATAAN MEDIA**  
**TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**KASA KOMITED SELESAIKAN MASALAH BANJIR DI DAERAH BAGAN DATUK  
MELALUI PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR BAGAN DATUK**

---

1. Saya telah mengadakan lawatan kerja ke Parlimen Bagan Datuk, Perak bagi meninjau Projek Rancangan Tebatan Banjir Bagan Datuk. Pada lawatan kerja kali ini, isu yang telah dibangkitkan adalah di kawasan Teluk Penikam dan juga kawasan muara sungai di Kawasan Mukim Rungkup. Bagi Kawasan Teluk Penikam, fenomena air pasang besar telah berlaku pada tarikh 29 Mac 2021 sehingga 31 Mac 2021 yang mengakibatkan berlakunya kejadian banjir di Kg. Pasang Api dan Kg. Teluk Penikam.
2. Sebelum ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil langkah bagi mengawal banjir dengan membina tembok penahan di sekitar kawasan yang dinyatakan namun struktur tersebut tidak lagi mampu bertahan untuk memberi perlindungan secara keseluruhannya dan berkesan berikutan fenomena alam semulajadi yang bertindak menghakis tembok penahan sedia ada. Sehubungan dengan itu, langkah pencegahan banjir yang lebih baik dan lebih praktikal perlu difikirkan dan dilaksanakan bagi mengelakkan perkara ini daripada terus berulang dan memberi impak kepada penduduk, harta, tanaman mahupun nilai hartanah di kawasan yang terjejas.
3. Kejadian banjir yang berlaku di Kawasan Mukim Rungkup dan juga mukim lain-lain pula adalah berpunca daripada keadaan muara-muara sungai yang sebu dan dipenuhi lumpur. Hal ini berlaku kerana keadaan muka bumi di daerah ini yang rendah dan berkawah serta seringkali berhadapan dengan keadaan air pasang surut air laut. Situasi tersebut menyebabkan tanah lumpur semakin banyak terkumpul di muara-muara sungai sehingga menyebabkan air dari dalam kawasan penempatan dan pertanian tidak dapat mengalir keluar ke laut dengan lancar seterusnya menyebabkan kerap berlakunya kejadian banjir.

4. Saya telah mengarahkan pihak JPS untuk menyediakan pam bergerak di semua lokasi yang terlibat dengan kawasan banjir sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan masalah banjir dan perkara tersebut telah pun dilaksanakan. Manakala bagi penyelesaian menyeluruh (*total solution*), JPS akan melaksanakan projek **RTB Bagan Datuk** dengan kos **RM87.6 juta** dan membuat permohonan projek baharu di bawah **RMKe-12** bagi projek **Rancangan Pemuliharaan Sungai Perak dari Teluk Penikam ke Muara Sungai Perak, Daerah Bagan Datuk, Perak** yang dianggarkan bernilai **RM60 juta** serta **Projek Mengorekpulih Muara Sungai dan Parit Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Bagan Datuk Perak** yang merangkumi keempat-empat mukim di dalam Daerah Bagan Datuk iaitu Mukim Teluk Bharu, Mukim Hutan Melintang, Mukim Rungkup dan Mukim Bagan Datuk yang dianggarkan bernilai **RM70 juta**.

- Tamat -

**YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad**  
Timbalan Menteri Alam Sekitar Dan Air

**6 APRIL 2021**

### MAKLUMAT TAMBAHAN

---

1. Parlimen Bagan Datuk merangkumi 4 mukim iaitu Mukim Hutan Melintang, Mukim Teluk Baharu, Mukim Rungkup dan Mukim Bagan Datuk. Daerah Bagan Datuk mempunyai kapasiti penduduk seramai 70,300 orang.
2. Pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui JPS telah melaksanakan beberapa projek seperti;
  - a. Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Lima (5) Buah Rumah Pam Bagi Kawalan Banjir Di Bagan Datuk yang menelan belanja sebanyak RM2,185,000.00;
  - b. Projek Penutupan Muara Parit A dan Parit B Bagi Pengawalan Hakisan Pantai di Bagan Sungai Belukang, Mukim Bagan Datuk yang menelan belanja sebanyak RM10 juta; dan
  - c. Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Bagan Sungai Tiang, Mukim Rungkup yang menelan belanja sebanyak RM10 juta.
3. JPS juga sedang melaksanakan Projek Menaiktaraf Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal Untuk Kawalan Banjir Tiga (3) Buah Rumah Pam di Rancangan Saliran Sungai Jendarata, Mukim Hutan Melintang, Daerah Bagan Datuk dengan kos sebanyak RM2,817,845.30. Projek ini bertujuan untuk mengurangkan kejadian banjir dengan mengepam terus air ke Sungai Perak agar kawasan berhampiran tidak mengalami banjir yang teruk.